



MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI
KENYATAAN TAWARAN BIL. 17/2024


TARIKH IKLAN: 26 MAC 2024

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor/pembekal yang berdaftar dengan **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM), KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (KKM)** yang tempoh sah laku sehingga 90 hari daripada tarikh tutup tender serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini untuk tender berikut:

| | No. Tender | Tajuk Projek | Kategori | Pengkhususan | Harga (RM) |
|----|----------------------|--|----------|--------------|------------|
| 1. | MBIP / T / 49 / 2024 | PERKHIDMATAN MENYEDIA DAN MEMBEKAL JAMUAN UNTUK MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI (MBIP) BAGI TEMPOH 12 BULAN | KKM | 040103 | 60.00 |

- Dokumen tender boleh dimuat turun dalam **Portal e-Perolehan** <http://eperolehan.mbip.gov.my> mulai **26 MAC 2024** sehingga **24 APRIL 2024** selepas pembayaran dibuat. Pembayaran boleh dibuat melalui:
 - Dalam bentuk **draf bank** daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau kiriman **wang pos** (*money order*) atau **wang kiriman pos berpaling** (*postal order*) dan dibayar atas nama Majlis Bandaraya Iskandar Puteri. **Wang tunai** atau **cek tidak boleh diterima**
 - Pembayaran atas talian melalui platform e-khidmat.
- Dokumen tender hanya dikeluarkan kepada kontraktor / pembekal yang sah sahaja. Untuk maksud ini kontraktor / pembekal hendaklah berdaftar dengan sistem **e-Perolehan MBIP**.
- Dokumen hendaklah dimasukkan ke dalam **SATU (1) sampul surat berlakri (sealed)** serta dimasukkan ke dalam peti tawaran di kaunter Unit Perolehan, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Bandar Medini Iskandar, Johor sebelum atau pada tarikh **24 APRIL 2024 jam 12.00 tengah hari**.

4. Sekiranya dokumen dihantar melalui khidmat pengeposan, kontraktor/pembekal adalah bertanggungjawab dalam memastikan dokumen tersebut dimasukkan ke dalam peti tawaran sebelum atau pada hari dan masa yang telah ditetapkan. Pihak majlis tidak bertanggungjawab atas sebarang kelewatan yang berlaku.



(DATO' HAJI MOHD HAFFIZ BIN HAJI AHMAD)

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri